

**ANALISIS KEPERLUAN HIDUP: STRATEGI UNTUK MEMBANGUNKAN  
KERANGKA KEDAMAIAN HIDUP WARGA EMAS**

**MOHD YUSOP BIN AB.HADI**

Laporan ini dikemukakan sebagai  
memenuhi syarat siapnya penyelidikan Geran FRGS Vot 0742 Kementerian Pengajian  
Tinggi Malaysia di bawah pengurusan Pusat Penyelidikan dan Inovasi Universiti Tun  
Hussein Onn Malaysia

**Fakulti Pendidikan Teknikal  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia**

**DISEMBER 2012**



## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menganalisis keperluan hidup warga emas untuk membangunkan satu kerangka kedamaian hidup mereka. Seramai 442 warga emas terpilih sebagai responden kajian. Pemilihan responden menggunakan sampel nonprobability iaitu sampel yang tidak besar dan tidak memerlukan kebarangkalian sebagai sampel kajian. Data dan maklumat yang diperolehi adalah melalui kaedah soal selidik, pemerhatian dan temu bual. Dapatan kajian dilaporkan dalam bentuk statistik kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai dan laporan naratif. Kajian menunjukkan warga emas memerlukan kelima-lima keperluan hidup yang dikemukakan oleh Maslow untuk membahagiakan hidup mereka. Didapati 47.0% daripada responden memerlukan keperluan kesempurnaan sendiri, 20.3% memerlukan keperluan fisiologi, 17.8% memerlukan keperluan kasih sayang, 11.2% memerlukan keperluan keselamatan, dan 3.7% memerlukan keperluan penghormatan. Kajian juga mendapati perkara yang membahagiakan hidup warga emas pula ialah 46.4% menyatakan keperluan kesempurnaan sendiri, 22.1% menyatakan keperluan penghormatan, 14.9% menyatakan keperluan keselamatan, 14.5% menyatakan keperluan fisiologi, dan 2.13% menyatakan keperluan kasih sayang. Tahap kebahagiaan hidup warga emas adalah tinggi didapati 90.4% menyatakan bahagia, 8.1% menyatakan kurang bahagia dan 1.5% menyatakan tidak bahagia. Berdasarkan kepada ketinggian skor min yang melebihi 4.21 dan sisihan piawai yang kurang daripada 1.00, didapati sembilan situasi dan aktiviti yang diperlukan oleh warga emas untuk memperolehi kebahagiaan hidup iaitu, mematuhi ajaran agama, mendalami pengetahuan agama, berusaha untuk terus hidup dalam keadaan sihat, mendapatkan perhatian daripada anak, menjaga kesihatan fizikal, merehatkan diri, melakukan aktiviti yang menyihatkan badan, mendapatkan perhatian daripada pasangan hidup, dan menimbulkan perasaan gembira. Tujuh faktor utama yang menyumbang kepada kedamaian hidup warga emas ialah melaksanakan ajaran agama, sihat fizikal, disayangi, menyayangi, perasaan gembira, merehatkan diri dan tiada masalah. Sembilan punca tahap kedamaian warga emas rendah ialah tidak sihat, susah hati, perasaan sedih, didatangi masalah, tersentuh perasaan, tidak dapat melepaskan perasaan yang terpendam, tidak berpeluang melakukan aktiviti yang dapat menyihatkan badan, tidak dapat tempat kediaman yang diinginkan dan tidak dapat pengetahuan dan kemahiran yang diinginkan.

## ABSTRACT

The research aim is to analyse the bliss of older citizen to develop their calmness life style framework. The data and information are collected through questionnaire, observation and interview. The data and informations are reported by using the term of statistic frequency, percentage, mean and standard deviation. The research shows that the older citizen are need to all of five Maslow need to calmness their life style; 47.0% of respondents are required to self actualisation need, 20.3% are required to psysiology need, 17.8% are required to fullfill loving and caring need, 11.2% are required to fullfill safety need, and 3.7% are required to fullfill recognition need. Research are also initiated that the human need which had carry out the blissfull to older citizen are; 46.4% said to self actualisation need, 22.1% said to recognition need, 14.9% said to safety need, 14.5% said to psysiology need, and 2.13% said to loving and caring need. The level of older citizen blissful life is high whereby 90.45% of respondents said to blissful, 8.1% said to moderate blissful and 1.5% said to not blissful. In referred to the rank of mean score above 4.21 and standard deviation below than 1.00, there are nine situations and activities are required by older citizen to feel blissful. They are to obey religious rules, to learn more about religious knowledge, to work for healthy life, to get attention from son or daughter, to take care of physical health, to get relax, to do the activities for body healthy, to get attention from spouse, and to arise up joyfulness feeling. There are seven factors affected to older citizen calmness; to perform religious lessons, to be loving and loving, joyful, relaxing, and free of problems. There are nine sources caused older citizen get low life blissful; sick, depress, feel sorrow, problematical, receiving impressions, hindrance to express feeling, hindrance to perform body health activities, no comfortable house to stay and hindrance to involve in lifelong learning. Base on the research finding the researcher had develop a blissful life framework for older citizen

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>JUDUL</b>	i
	<b>PENGAKUAN</b>	ii
	<b>DEDIKASI</b>	iii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>KANDUNGAN</b>	vii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xv
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xvi
<b>BAB 1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	1.0 Pengenalan	1
	1.1 Latar belakang masalah	4
	1.2 Pernyataan masalah	6
	1.3 Objektif kajian	7
	1.4 Persoalan kajian	8
	1.5 Hipotesis kajian	8

1.6	Skop kajian	8
1.7	Kepentingan kajian	9
1.8	Batasan kajian	9
1.9	Kerangka konsep	10
1.10	Definisi konsep	12
1.11	Definisi operasi	14

**BAB 2****KAJIAN LITERATUR**

2.0	Pengenalan	16
2.1	Perihatin terhadap warga emas	18
2.2	Keperluan hidup warga emas	18
2.2.1	Keperluan keselamatan	19
2.2.2	Keperluan kesihatan	20
2.2.3	Keperluan makanan seimbang	21
2.2.4	Keperluan kasih sayang daripada keluarga	22
2.2.5	Keperluan penghargaan sendiri	23
2.2.6	Keperluan penghargaan sendiri	24
2.3	Proses penuaan	25
2.4	Implikasi penuaan warga emas kepada kedamaian hidup	27
2.5	Keupayaan fizikal dan biologi golongan warga emas	28
2.6	Program dan aktiviti warga emas	29
2.7	Impak penjagaan warga emas terhadap komuniti	31
2.8	Perubahan struktur umur dan cabaran kepada pembangunan negara	34
2.9	Pelan pembangunan warga emas, keluarga dan masyarakat	35

2.10	Program latihan kemahiran kepada warga emas.	37
2.11	Sumbangan warga emas kepada masyarakat	37
2.12	Dasar Sosial Negara	39
2.13	Strategi Dasar WargaTua Negara	41
2.14	Pelan Tindakan Dasar Strategi Warga Tua Negara	44
2.15	Sorotan kajian lepas	45
2.16	Rumusan dan kesimpulan kajian lepas	52

**BAB 3****METODOLOGI KAJIAN**

3.0	Pengenalan	54
3.1	Reka bentuk kajian	54
3.2	Populasi dan persampelan kajian	55
3.3	Pengumpulan data	55
3.3.1	Instrumen soal selidik	55
3.3.2	Pemerhatian	56
3.3.3	Temu bual	57
3.4	Analisis data	57
3.5	Analisis min	60
3.6	Prosedur kajian rintis	60

**BAB 4****DAPATAN KAJIAN**

4.0	Pengenalan	63
4.1	Data daripada soal selidik	63

4.1.1	Maklumat daripada soalan terbuka	65
4.1.1.1	Perkara yang warga emas inginkan untuk membahagiakan hidup	65
4.1.1.2	Perkara yang membahagiakan hidup warga emas	66
4.1.1.3	Tahap kebahagiaan warga emas	68
4.1.1.4	Perkara yang menyebabkan warga emas tidak bahagia	69
4.1.2	Maklumat daripada soal selidik	69
4.1.2.1	Maklumat diri responden	70
4.1.2.2	Situasi dan aktiviti kehidupan yang diperlukan oleh warga emas untuk memperolehi kedamaian hidup	72
4.1.2.3	Faktor utama kedamaian hidup warga emas	75
4.1.2.4	Tahap kedamaian hidup warga emas	77
4.1.2.5	Punca tahap kedamaian hidup warga emas Rendah	86
4.2	Maklumat pemerhatian situasi dan aktiviti harian warga emas	87
4.3	Analisis temubual situasi dan aktiviti harian warga emas yang membawa kepada kedamaian hidup	93

## **BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.0	Pengenalan	94
5.1	Situasi dan aktiviti yang diperlukan untuk memperolehi kedamaian hidup warga emas	94

5.1.1	Keperluan kesempurnaan sendiri	95
5.1.2	Keperluan fisiologi	98
5.1.3	Keperluan kasih sayang	98
5.1.4	Keperluan keselamatan	101
5.1.5	Keperluan penghormatan	103
5.2	Situasi dan aktiviti kehidupan yang dilakukan oleh warga emas untuk memperolehi kedamaian hidup	104
5.2.1	Mematuhi dan mendalami ajaran agama	105
5.2.2	Berusaha untuk terus hidup dalam keadaan sihat	106
5.2.3	Mendapatkan perhatian daripada anak	106
5.2.4	Merehatkan diri dan melakukan Aktiviti yang menyihatkan badan	107
5.2.5	Mendapatkan perhatian daripada pasangan hidup	108
5.2.6	Menimbulkan perasaan gembira	108
5.2.7	Makan makanan tertentu	109
5.2.8	Penjagaan kesihatan	109
5.2.9	Penjagaan emosi dan rohani	111
5.3	Situasi dan aktiviti kehidupan yang dilakukan oleh warga emas untuk memperolehi kedamaian hidup	113
5.3.1	Aktiviti kerohanian dan penjagaan kesihatan	113
5.3.2	Aktiviti komunikasi dan penjagaan Emosi	114
5.3.3	Aktiviti sosial	113



5.3.4	Aktiviti ekonomi	116
5.4	Faktor utama yang menyumbang kepada kedamaian hidup warga emas	117
5.4.1	Faktor sosial dan emosi	117
5.4.1	Faktor kesihatan	118
5.5	Tahap kedamaian hidup yang dialami oleh warga emas	119
5.6	Perbezaan tahap kedamaian hidup warga emas	120
5.6.1	Perbezaan tahap kedamaian hidup warga emas mengikut umur	121
5.6.2	Perbezaan tahap kedamaian hidup warga Mengikut pekerjaan	122
5.6.3	Perbezaan tahap kedamaian hidup warga emas mengikut kawasan tempat tinggal	124
5.7	Punca tahap kedamaian hidup warga emas rendah	125
5.8	Kerangka kedamaian hidup warga emas	127
5.9	Kesimpulan	130
5.10	Cadangan	131
<b>RUJUKAN</b>		132
<b>LAMPIRAN</b>		133

## Keperluan Hidup: Strategi untuk membangunkan Kerangka Kedamaian Bagi Warga Emas

### BAB 1

#### PENDAHULUAN

##### 1.0 Pengenalan

Di Malaysia pelbagai isu yang telah dibangkitkan mengenai warga emas seperti warga emas terbiar, warga emas disisihkan oleh ahli keluarga, warga emas hidup bersendirian dan meningkatnya bilangan warga tua di rumah kebajikan. Laporan oleh akhbar Utusan bertarikh 25 Mei 2009 menunjukkan bahawa seramai 100,000 warga emas yang berumur 60 tahun ke atas hidup dalam keadaan terpinggir dan tidak diperlukan. Mereka ini bukan sahaja terbiar malahan terdedah kepada kegiatan samun dan penyakit kronik akibat tiada pengawasan.

Tolongan warga emas ini wajar mendapat perhatian, penghormatan dan kasih sayang bagi memastikan mereka dapat menikmati keperluan dan kesejahteraan hidup (Faisal, 2008)

Terdapat beberapa keperluan asas warga emas yang boleh diukur bagi mendapatkan maklumat berkaitan seperti faktor sosiodemografi, kognitif, kesihatan, angkaian sosial dan sendiri. Ini merupakan pertalian yang positif yang diperlukan oleh warga emas dalam meniti hari tua (Daniela & Christoph, 2006). Kajian berkaitan faktor yang menyumbang kepada keperluan hidup dari aspek jangka hayat yang panjang telah banyak dibincangkan oleh ahli sosiologi dan psikologi (Anstey, 2001). Namun begitu

berkaitan pengalaman warga emas menjalani kehidupan dan perasaan mereka tersebut tidak banyak dilakukan. (Daniela & Christoph, 2006)

Sebagai kajian berkaitan penyelidikan gerontologi yang telah dilakukan oleh terdahulu dan sebahagian besar mereka telah mengklasifikasikan warga emas kumpulan tertentu merujuk kepada usia sebenar mereka. Mengikut (Baltes & Bengtson, 1974) tahap warga emas perlu dipecahkan kepada usia tahap tiga (*third age*) 60-79 tahun bagi tahap empat (*fourth age*) 80-90 tahun.

Keputusan mengklasifikasikan kumpulan ini diperkukuhkan lagi melalui para penyelidik yang menyatakan bahawa semakin usia warga emas ini meningkat pelbagai fungsi yang berfungsi seperti kognitif, hubungan sosial, kesihatan akan menurun (Keremberg, 2001). Justeru itu kajian terhadap warga emas perlu mengklusterkan warga emas terlebih dahulu agar data yang diperolehi lebih signifikan. Faktor ini akan membolehkan kebanyakan warga emas yang semakin berusia akan lebih terdedah kepada pelbagai penyakit kronik, kelemahan fizikal dan kebarangkalian akan mengharapkan bantuan orang lain adalah tinggi.

Manakala warga emas menurut JKMM (2008) pula secara umumnya dikategorikan sebagai individu yang berumur melebihi 60 tahun dan ke atas. Mereka sepatutnya diberi peluang untuk bergiat aktif melibatkan diri dalam pembangunan negara mengikut kebolehan dan keupayaan masing-masing kerana peranan mereka sebagai 'penerima' bahkan mereka juga boleh memberi sumbangan kepada kemajuan dan pembangunan negara. Oleh itu, kebajikan dan keperluan hidup warga emas ini perlu dipertingkatkan dan diperkukuhkan secara berterusan. (Faisal, 2008)

Salah satu proses peningkatan dan pengukuhan mengenai kebajikan dan keperluan hidup warga emas ini dapat diberikan melalui pembelajaran. Faktor umur tidak menghalang dalam proses pembelajaran kepada golongan warga emas ini. Ini diperkukuhkan lagi oleh Paul (1965) dalam Muhammad Taha (2008) dalam laporannya mengenai fahaman pembelajaran ini telah dinyatakan telah menyatakan pendidikan tidak harusnya terhenti pada usia kanak-kanak atau remaja. Ia perlu mengiringi seseorang individu sepanjang hayatnya.

Keperluan hidup melalui pembelajaran ialah satu proses yang dilalui oleh setiap insan dalam usaha mencari maksud kehidupan dan kedamaian. Pembelajaran

salah satu cara kehidupan iaitu bagaimana manusia bergelut dan mencari jalan untuk menghadapi pembangunan dan perubahan yang sedang dilalui (Langer, 1993) dalam Dhurasingham (2005). Menurut Hamburg (2005) dan Belanger (1993) warga emas itu sendiri juga harus bijak menghadapi perubahan dan pembangunan sosioekonomi pada hari tua dan konsep pembelajaran yang sesuai amat diperlukan untuk menghadapi perubahan dan pembangunan tersebut.

Keperluan hidup warga emas ini amat penting ditingkatkan melalui satu konsep pembelajaran bagi membina kedamaian hidup di masa hadapan seperti aspek penjagaan kesihatan, penjagaan pemakanan yang perlu dititik beratkan oleh golongan warga emas. Keperluan hidup mereka terjamin walaupun berada di usia emas.

Keperluan warga emas telah memberi pelbagai implikasi kepada keluarga, masyarakat dan negara (Hamburg, 2005). Ini kerana warga emas telah mengalami satu perubahan dalam kehidupan apabila mereka memerlukan perhatian daripada seluruh ahli keluarga dan masyarakat. Perubahan dari aspek fizikal, psikologi dan sosial pada hari tua adalah proses penuaan bagi warga emas. Proses ini telah memberikan satu peluang kepada warga emas untuk memenuhi keperluan hidup yang sempurna. Di mana proses penuaan ini memerlukan perhatian semua lapisan masyarakat kerana golongan warga emas mengalami perubahan dan pembangunan sosioekonomi di hari tua (Langer, 1993a).

Pertambahan peratusan aktiviti dari aspek sosioekonomi memberikan satu perubahan program untuk warga emas. Perubahan tersebut berubah daripada pendekatan kebajikan kepada pendekatan pembangunan bagi memastikan warga emas terus aktif dan produktif. Usaha ini selaras dengan Pelan Tindakan Negara Untuk Orang tua yang digubal pada tahun 1989 yang bertujuan menyediakan masyarakat warga emas yang berdaya, mempunyai harga diri dan maruah yang tinggi. (RMK -9, 2006-2010).

Program yang diperkenalkan memberi penekanan kepada penyertaan masyarakat untuk menggalakkan gaya hidup sihat, aktiviti sosial dan rekreasi. Program tersebut juga menggalakkan sukarelawan di kalangan warga emas serta aktiviti antara generasi, program pembelajaran sepanjang hayat dan kemahiran hidup seperti ICT untuk membolehkan mereka terus memberi sumbangan kepada keluarga, masyarakat dan negara. (JKMM, 2008)

... dari laporan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Rancangan Malaysia ... (RMK-9) telah memberikan kesedaran kepada masyarakat dalam membuat ... ke arah menyiapkan keperluan hidup warga emas yang sihat. Senario ini ... dengan pertambahan rumah-rumah kediaman bagi warga emas yang ... oleh pihak swasta dan badan-badan kerajaan dengan melengkapkan dengan ... dan persekitaran yang sejahtera bagi menjamin kedamaian hidup warga ... (RMK-9, 2006-2010).

### Latar belakang masalah

... yang berusia lebih 60 tahun bilangannya adalah ramai dan mampu mewarnai ... budaya dan kelestarian negara. Sebagai contoh di Parlimen sebilangan daripada ... Yang Berhormat adalah berusia seperti ini, Ahli Lembaga Pengarah syarikat yang ... dan maju juga adalah mereka yang berusia melebihi 60 tahun. Contoh ini adalah ... hidup warga emas yang diberi peluang dan kepercayaan untuk meneruskan ... dan sumbangan yang berfaedah kepada negara. Bagaimana pula dengan ... warga emas yang tidak mempunyai peluang untuk memberi sumbangan apa ... kebolehan dan kepakaran yang mereka ada. Mereka tidak diberi peluang ... kerana sememangnya ketiadaan peluang, atau peluang ada tetapi persekitaran ... yakin dengan kebolehan dan keupayaan warga emas ini memberi sumbangan yang ... semakin menurun atau telah hilang.

Namun begitu secara kasarnya bilangan warga emas yang bernasib baik adalah ... ramai. Sebilangan besar daripada mereka adalah bekas golongan profesional atau ... politik berbanding dengan mereka yang tidak mempunyai pengisian hidup yang ... dirancang dan berjadual. Keadaan ini ternyata berlaku dalam masyarakat Malaysia. Di ... Malaysia Kementerian Kesihatan Malaysia mentakrifkan warga emas adalah mereka ... yang berusia 60 tahun ke atas (Zakaria, 2010). Peratus warga emas di Malaysia ... meningkat daripada 5.7 peratus dalam tahun 1990 kepada 6.3 peratus atau lebih kurang ... 4 juta orang pada tahun 2000. Unjuran dalam tahun 2020 akan terdapat tiga juta warga

Malaysia iaitu kira-kira 10 peratus daripada 32 juta penduduk Malaysia. Maka  
dibantu untuk meneruskan kehidupan yang penuh dengan kedamaian dan  
memberi sumbangan positif kepada masyarakatnya. (Jabatan Perangkaan,

mudahan dan keperluan asas hidup warga emas perlu dikenalpasti dan  
kepada mereka yang tidak mampu memperolehnya sendiri. Sekiranya tidak  
pemikiran dan fizikal mereka dikhuatiri menjadi cenderung kepada  
tingkah laku yang boleh menimbulkan masalah sosial kepada negara.  
Dalam tempoh melalui usia warga emas, mereka akan mengalami perubahan  
yang rumit dan sukar difahami, personaliti yang mantap terbina daripada  
pengalaman yang dilalui termasuklah peristiwa trajis seperti diberhenti kerja,  
atau sakit serius. Ini menyebabkan tahap kedamaian dan kebahagiaan hidup  
tidak dapat dicapai pada tahap maksimum. Dalam tempoh tersebut kebanyakan  
hidup yang dirancang telah berjaya dicapai tetapi tahap kesihatan pula semakin  
menurun (Weitzman, 1985; 1996). Kehebatan fizikal dan mental juga semakin susut,  
di muka dan uban di kepala pula bertambah.

Selain itu, mengikut Treas (1995); Metz (1998) dari aspek kesihatan juga  
menunjukkan warga emas akan bertukar warna rambutnya kepada putih, kulit muka  
menjadi berkedut, tenaga cepat habis apabila membuat kerja, tulang menjadi semakin  
rapuh, kecederaan mengambil masa yang lama untuk sembuh dan berisiko  
mendapat penyakit kronik seperti arthritis, kencing manis, sakit jantung dan kanser.  
Kemampuan meraba, melihat, menyentuh, menghidu, dan mendengar menjadi kurang  
efektif. Menurut Lethbridge; Rose, & Vickerie (2006), secara keseluruhannya 26  
peratus daripada mereka yang berusia lebih daripada 65 tahun mempunyai tahap  
kesihatan yang sederhana dan buruk. Justeru itu kepelbagaian senario ini menunjukkan  
masyarakat memerlukan satu penelitian yang serius dalam memberikan satu  
perancangan terhadap keperluan hidup warga emas.

Keadaan fizikal warga emas kebanyakannya tidak berupaya melakukan kerja  
yang boleh dilakukan oleh golongan muda. Didapati satu daripada lima warga emas  
menghadapi masalah berjalan, dan seorang daripada dua puluh orang memerlukan  
perhatian dan rawatan daripada hospital atau jururawat rumah. Keadaan fizikal warga

yang tidak menggalakkan ini menyebabkan mereka kurang diberi kepercayaan menyelesaikan sesuatu tugas pekerjaan walaupun memiliki pengetahuan dan pengalaman yang sesuai. Implikasinya warga emas akan mempunyai masa lapang tanpa kegiatan yang khusus dan dibimbangi pengisiannya cenderung kepada melakukan kegiatan yang merugikan diri dan negara amnya. (Zakaria, 2010)

Warga emas semasa usia muda tidak boleh dinafikan. Dalam meniti usia tua kekuatan fizikal dan mental semakin menurun. Oleh hal yang demikian kemampuan mereka tidak dipedulikan adalah tinggi. Maka adalah wajar pada usia ini warga emas tidak dibebankan dengan permasalahan yang dapat menyusutkan lagi kesihatan dan menyebabkan ketidakbahagiaan hidup.

### **Pernyataan masalah**

Perubahan yang dilalui oleh warga emas boleh dilihat melalui pelbagai pendekatan. Terdapat empat pendekatan yang biasa digunakan, iaitu 1) Perubahan keumuran hayati: Warga emas berubah mengikut perubahan umur iaitu perubahan seseorang mengikut umur yang berlaku secara kronologi yang dikira sejak lahir. 2) Perubahan keumuran biologi: Warga emas berubah mengikut perubahan biologi iaitu perubahan ke atas bentuk fizikal tubuh manusia. 3) Perubahan keumuran psikologi: Warga emas berubah mengikut perubahan psikologi iaitu perubahan ke atas sistem deria, persepsi serta fungsi-fungsi mental individu. dan 4) Perubahan keumuran sosial: Warga emas berubah mengikut perubahan sosial iaitu perubahan ke atas peranan dan hubungan individu dalam struktur sosial (Wan Ahmad, 2003)

Secara amnya segala perubahan berdasarkan umur, perubahan fizikal, perubahan psikologi dan perubahan sosial inilah yang menyebabkan golongan warga emas ini melalui pelbagai pengalaman yang membahagiakan ataupun yang trajis. Segala perubahan fizikal dan mental semakin susut menyebabkan golongan ini menjadi rumit dan sukar difahami (Weitzman; 1985; 1996). Namun secara keseluruhannya golongan warga emas adalah terbelah tetapi mereka tidak mempunyai pengisian hidup yang

dan berjadual. Justeru itulah yang berlaku dalam masyarakat Malaysia pada ini. Oleh yang demikian kemudahan dan keperluan asas hidup warga emas perlu disediakan kepada mereka yang tidak mampu memperolehnya sendiri. Jika tidak dipenuhi, pemikiran dan fizikal mereka dikhuatiri menjadi cenderung membentuk tingkah laku yang boleh menimbulkan masalah sosial kepada (Nordin, 2009)

Sehubungan dengan ini, maka kajian dijalankan untuk menganalisis keperluan warga emas bagi membangunkan kerangka kedamaian hidup mereka ke arah mencapai satu tahap kehidupan yang berkualiti pada usia emas.

### 3 Objektif kajian

Kajian dijalankan untuk mencapai objektif berikut:

- i. Menjelaskan situasi dan aktiviti kehidupan yang diperlukan oleh warga emas untuk memperolehi kedamaian hidup.
- ii. Mengenal pasti situasi dan aktiviti kehidupan yang dilakukan oleh warga emas untuk memperolehi kedamaian hidup.
- iii. Mengenal pasti dan menjelaskan faktor utama yang menyumbang kepada kedamaian hidup warga emas.
- iv. Menilai tahap kedamaian hidup yang dialami oleh warga emas.
- v. Mengetahui perbezaan tahap kedamaian hidup warga emas mengikut umur, pekerjaan dan kawasan tempat tinggal.
- vi. Menyiasat punca tahap kedamaian hidup warga emas rendah.
- vii. Membina kerangka kedamaian hidup warga emas



## Persoalan kajian

Kajian ini, pengkaji telah mengkaji persoalan mengenai :

Apakah situasi dan aktiviti kehidupan yang diperlukan oleh warga emas untuk memperolehi kedamaian hidup?

Apakah situasi dan aktiviti kehidupan yang dilakukan oleh warga emas untuk memperolehi kedamaian hidup?

Apakah faktor utama yang menyumbang kepada kedamaian hidup warga emas?

Bagaimanakah tahap kedamaian hidup yang dialami oleh warga emas?

Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kedamaian hidup warga emas mengikut umur, pekerjaan dan kawasan tempat tinggal?

Apakah punca tahap kedamaian hidup warga emas rendah?

Apakah kerangka kedamaian hidup warga emas?

## 5 Hipotesis kajian

- h1 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kedamaian hidup warga emas mengikut peringkat umur.
- h2 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kedamaian hidup warga emas mengikut pekerjaan.
- h3 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kedamaian hidup warga emas mengikut kawasan tempat tinggal.

## 6 Skop kajian

Kajian ini mengenai keperluan hidup dan kerangka dalam membangunkan kedamaian hidup golongan warga emas adalah dijalankan dalam kalangan warga Malaysia yang

60 tahun ke atas. Analisis keperluan hidup warga adalah berdasarkan kepada Model Jadual Hidup (Kementerian Kesihatan Malaysia 2009), Proses penuaan (Jan Reed, 2004), Motif terhadap pemilihan jenis aktiviti waktu lapang (Sayuti, 2002). Ianya merangkumi analisis mengenai keperluan keselamatan, keperluan kasih sayang, keperluan penghargaan, dan keperluan kesempurnaan diri.

### **Kepentingan kajian**

Kepentingan kajian ini adalah berdasarkan perkara-perkara berikut:-

Hasil kajian ini akan digunakan untuk membangunkan kerangka kedamaian hidup golongan warga emas.

Kerangka kedamaian hidup kajian ini diharap dapat memberi panduan kepada masyarakat umum mengenai penyediaan keperluan warga emas dari aspek penjagaan kesihatan, keperluan keselamatan, keperluan kasih sayang, keperluan penghargaan sendiri dan keperluan penyempurnaan sendiri warga emas.

### **Batasan kajian**

Kajian ini terbatas golongan warga emas yang berumur dari 60 tahun dan ke atas.

Kajian ini hanya menghubungkan keperluan hidup berdasarkan keperluan fisiologi, keperluan keselamatan, keperluan kasih sayang, keperluan penghargaan diri dan keperluan penyempurnaan sendiri dalam membangunkan kerangka kedamaian hidup warga emas.

Pemilihan kaedah pengumpulan data yang terhad mengakibatkan penyelidikan ini bergantung sepenuhnya kepada jawapan-jawapan yang diberikan oleh responden dari borang soal selidik sahaja.




**KEDAMAIAAN HIDUP  
WARGA EMAS**

Tercapai apabila dapat dipenuhi keperluan:  
Fisiologi  
Keselamatan  
Kasih sayang  
Penghargaan  
Kesempurnaan diri  
(Maslow, 1970)

Situasi dan aktiviti kehidupan yang diperlukan oleh warga emas untuk memperoleh kedamaian hidup

Faktor penyumbang kepada kedamaian hidup warga emas

Hindar daripada punca tahap kedamaian hidup warga emas rendah



Pembangunan  
Kerangka  
Kedamaian Hidup  
Warga Emas



Kedamaian Warga  
Emas

Rajah 1.1 : Kerangka konsep strategi untuk membangunkan kedamaian hidup warga emas

## Definisi Konsep

yang dikemukakan mewakili pembolehubah dalam kajian ini bertujuan untuk memberikan yang lebih jelas bagi sesuatu istilah serta bagi mengelakkan kekeliruan kerana istilah-istilah yang didefinisikan itu membawa maksud yang berbeza dalam konteks penyelidikan ini.

## Analisis

Menurut Dewan (2005) menyatakan analisis ialah proses untuk menentukan sifat (struktur, jujuk, komposisi) sesuatu bahan yang perlu digubal dan memerlukan pengalaman yang lama dan penelitian yang tajam. Penyelidikan atau penghuraian sesuatu itu dilakukan secara terperinci dan mendalam oleh pihak pengumpul maklumat dan menghuraikan jalan penyelesaian agar menjadi mudah dan difahami.

### iii) Keperluan hidup

Teori Keperluan Maslow (Robert, 2003) menjelaskan bahawa setiap individu perlu memenuhi segala keperluan asas untuk mencapai kesejahteraan dan ketenangan dalam kehidupan. Lima keperluan asas ini harus dipenuhi oleh setiap individu untuk mengelakkan diri dari mengalami perasaan kekurangan berbanding individu lain. Lima asas keperluan Maslow ini telah disusun dalam bentuk hierarki yang bermula daripada aspek fisiologi, keperluan keselamatan, keperluan kasih sayang, keperluan penghargaan sendiri sehinggalah kepada keperluan pencapaian penyempurnaan sendiri (Maslow, 1970).

Manakala keperluan hidup manusia pula merujuk kepada keadaan-keadaan yang perlu ada atau perlu dimiliki oleh setiap individu bagi memastikan keadaan hidupnya sejahtera (Thomas & Pierson, 1996:224). Raiklin & Uyar (1996:51) mendefinisikan keperluan manusia sebagai berikut :

...the desire which take the form of a "must" urgency in acquiring goods

services in order to achieve satisfaction, to exist and to function physically, mentally and mentally. It has been prerequisite for man's survival.

### **Kerangka**

Kamus Dewan (2005) mendefinisikan kerangka sebagai lakaran, rancangan atau gambar kasar yang masih dalam peringkat permulaan atau belum sempurna. Oleh itu demikian secara amnya, kerangka ini adalah satu perancangan awal yang bertujuan untuk menyempurnakan sesuatu keadaan atau perkara yang ditunjukkan. Melalui kerangka ini sesuatu lakaran atau rancangan terbentuk melalui proses dan langkah-langkah yang tersusun.

#### **i) Kedamaian hidup**

Kedamaian memberi maksud keadaan yang damai di mana sesuatu keadaan yang tidak terdapat atau berlaku pergaduhan, peperangan, persengketaan dalam kehidupan seharian (Kamus Dewan, 2005). Manakala maksud hidup dalam Kamus Dewan (2005) membawa maksud terus bernyawa atau bernafas, tidak mati. Kedamaian hidup ini diperjelaskan lagi oleh Victor (2002) sebagai sesuatu keadaan yang aman dan tenteram, ketenangan dalam mencapai kualiti hidup yang merangkumi kemajuan diri, gaya hidup sihat, kecapaian dan kebebasan untuk memperolehi pengetahuan dan menikmati taraf hidup yang melebihi keperluan asas dan psikologi individu, untuk mencapai tahap kesejahteraan sosial yang seiring dengan hasrat negara.

#### **ii) Warga emas**

Warga emas atau warga tua ditakrifkan sebagai mereka yang berumur 60 tahun ke atas. Takrifan ini berpandukan kepada takrifan yang dibuat di "World Assembly On Aging in 1982" Vienna. Dasar Warga Tua Negara (2009) menjelaskan bahawa warga emas ini memerlukan perhatian daripada semua

masyarakat kerana golongan ini mengalami perubahan fizikal dan sosioekonomi yang menurun di hari tua. Tambahan pula warga emas mempunyai keperluan khusus dan memberi pelbagai implikasi kepada masyarakat dan negara di hari tua (Hamburg, 2005). Dengan demikian (Hamburg (2005); Belanger (1993a) dalam kajian Dhurasingham (2005), warga emas itu sendiri juga harus bijak menghadapi perubahan dan menggunakan sosioekonomi pada hari tua dan konsep pembelajaran yang sesuai penting bagi mengharungi perubahan dan pembangunan tersebut.

### **Definisi operasi**

Definisi operasi bagi konsep yang digunakan dalam pembolehubah adalah mengikut perspektif kajian ini.

#### **i) Analisis keperluan hidup**

Dalam kajian ini, analisis keperluan hidup merujuk kepada usaha untuk mengetahui proses memenuhi keperluan atau kepentingan kehidupan warga emas di negara ini. Proses penyelidikan dilakukan untuk mengetahui keperluan hidup warga emas yang membawa kepada kebahagiaan hidup, merangkumi aspek tempat tinggal, jantina, status perkahwinan, pendapatan dan juga lingkungan umur warga emas. Seterusnya operasi penyelidikan ini turut mengenalpasti tahap kehidupan warga emas bagi memenuhi satu tahap atau peringkat yang baik dalam kedamaian hidup.

#### **ii) Strategi membangunkan kerangka kedamaian hidup**

Strategi menurut Kamus Dewan (2005) membawa maksud cara-cara merancang dan melaksanakan tindak tanduk dalam mencapai sesuatu atau pendekatan yang

yang akan dilaksanakan seterusnya merancang untuk melaksanakan pembangunan tersebut. Oleh itu, kajian ini menyediakan satu platform dan cara- cara atau langkah-langkah dalam mengenalpasti keperluan warga emas yang akan membina satu matlamat kedamaian hidup. Keperluan dikenalpasti sebelum proses pembangunan kerangka dilakukan. Kajian ini dilakukan meliputi segala aktiviti, situasi dan sumbangan harian warga emas dalam memberi satu keputusan tahap kedamaian hidup golongan kajian ini. Kerangka kedamaian yang dibina ini akan menjadi satu platform dalam menjadikan warga emas sebagai aset negara tetapi bukan beban kepada masyarakat.

#### (ii) **Warga emas**

Warga emas atau warga tua ditakrifkan sebagai mereka yang berumur 60 tahun ke atas menurut "*World Assembly On Aging in 1982*" Vienna (Dasar Warga Tua Negara, 2009). Justeru itu warga emas dalam kajian yang dilakukan ini adalah mereka yang berumur 60 tahun dan ke atas.



## BAB 2

### KAJIAN LITERATUR

#### 0 Pendahuluan

Laporan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM) menjangka menjelang 2020 menunjukkan jangka hayat bagi lelaki mencecah usia 75.4 dan wanita 80.4 tahun. Menjelang tahun 2020, bilangan warga emas ini dijangka meningkat kepada 3.21 juta orang. Ia adalah sekitar 11 peratus daripada kira-kira 33.3 juta penduduk Malaysia pada masa itu. Jangkaan peningkatan ini berdasarkan unjuran pada tahun 1991 dan tahun 2000 yang masing-masing sejuta atau 5.9 peratus dan 1.42 juta orang atau 6.1 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia ketika itu. (Badrul, 2010).

Mengikut statistik terkini populasi penduduk Malaysia terdiri daripada 28.25 juta. Manakala populasi bagi penduduk warga emas 4.7 juta penduduk bagi keluaran statistik terkini 2010. Kajian terdiri daripada penduduk kawasan bandar dan luar bandar dalam negeri diseluruh Semenanjung Malaysia yang berusia 60 tahun ke atas. (Jabatan Perangkaan, 2010)

Hasil laporan tersebut menunjukkan Malaysia menjadi satu negara yang ramai didiami oleh warga emas. Menurut definisi yang dikeluarkan oleh JKMM (2008) secara umumnya warga emas dikategorikan sebagai individu yang berumur melebihi 60 tahun dan ke atas. Sejurus tergolong sahaja sebagai warga emas seharusnya mereka tidak disisih tetapi juga terus diberi peluang untuk bergiat aktif melibatkan diri dalam pembangunan negara mengikut kebolehan dan keupayaan masing-masing, kerana peranan mereka bukan sahaja sebagai 'penerima' bahkan mereka juga boleh memberi sumbangan kepada kemajuan dan pembangunan negara.

penduduk adalah salah satu fenomena universal yang dialami oleh dunia dalam kadar yang berbeza. Negara maju mengambil masa yang mencapai tahap penuaan berbanding negara-negara membangun. Salah satu negara-negara membangun kini sedang melalui transisi demografi dengan kadar fertiliti dan mortaliti menurun dengan kemajuan teknologi. Perubahan demografi akan memberi kesan kepada kemampuan sesebuah negara untuk mencapai hala tuju yang dirancang. Ia amat sensitif kepada perubahan yang berlaku di sekitarnya seperti perubahan corak dan tempoh pembangunan, perubahan struktur ekosistem serta perubahan dalam cara gaya hidup dan aspirasi individu. Untuk mencapai matlamat Dasar Wawasan Negara, Malaysia mementingkan peningkatan kuantiti penduduk (Syed Mahadi, 2007).

Pada abad ke-20, beberapa perubahan yang signifikan telah berlaku kepada struktur sokongan masyarakat. Di antara perubahan terpenting ialah peningkatan jangkaan hayat individu akibat peningkatan kualiti pemakanan, kaedah penjagaan kesihatan yang semakin baik, kemajuan teknologi perubatan, kesedaran diri segi penjagaan kesihatan dan lain-lain lagi. Pada masa yang sama, kemajuan juga telah berkurangan menyebabkan berlakunya 'penuaan populasi' dengan golongan umur pertengahan dan tua lebih tinggi berbanding bilangan golongan muda (Abdul Aziz, 2001).

Di Malaysia, golongan warga emas, ditakrif sebagai penduduk yang berumur 60 tahun ke atas, merupakan 5.7% dari jumlah penduduk atau 745.2 ribu pada tahun 1980. Jumlah ini meningkat ke 6.2% atau 1.5 juta pada tahun 2000, dan dijangka akan mencapai 3.4 juta menjelang tahun 2020. Pada masa itu, Malaysia akan memasuki negara menua mengikut jangkauan Bangsa-bangsa Bersatu dan lebih daripada penduduk akan berumur 65 tahun dan ke atas. (Dasar Warga Tua Negara, 2007).

Manakala merujuk kepada definisi, pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, populasi yang mengalami penuaan sekiranya golongan yang berumur 65 tahun ke atas melebihi 7%. Manakala berdasarkan umur 60 tahun ke atas yang diguna pakai oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi mentakrifkan seseorang individu sebagai tua, negara ini diramalkan akan menghadapi penuaan populasinya pada tahun 2010. Pada tahun 2020 pula dijangka akan mencapai peringkat masyarakat tua. (Saad, 2004).

### Peranan Terhadap Warga emas

Merupakan sebahagian daripada ahli masyarakat dan negara, diakui mempunyai banyak pengalaman dan kemahiran. Mereka telah banyak memberi sumbangan kepada masyarakat ini dan masih mempunyai potensi menyumbang kepada keluarga, masyarakat dan negara. Oleh yang demikian adalah sewajarnya mereka mendapat perhatian dan kasih sayang bagi memastikan menikmati kesejahteraan sepanjang hayat. Warga emas digalakkan untuk terus menyumbang kepada masyarakat melalui penyertaan dalam pekerjaan berasaskan kepada kemahiran masing-masing. Dengan cara ini mereka boleh hidup dengan pendapatan dan kesejahteraan dan kedamaian hidup. Warga emas perlu melibatkan diri dalam aktiviti – aktiviti kekeluargaan dan pertubuhan masyarakat, untuk membolehkan mereka memainkan peranan dalam masyarakat di samping dapat berinteraksi di antara mereka. ( Harun, 1993)

### Keperluan hidup warga emas


Keperluan asas manusia boleh dijelaskan juga melalui Model Jadual Kementerian Kesihatan Malaysia 2009) dalam Rajah 2.1 yang menyenaraikan keperluan asas untuk hidup. Seiring dengan keperluan psikososial, keperluan asas ini perlu diberi perhatian bagi membolehkan warga emas menjadi sihat untuk hidup secara berkualiti

Keperluan untuk warga emas hidup sihat adalah termasuk :

- 1. Makanan Seimbang (Nutrition)
- 2. Keselamatan (Safety)
- 3. Tempat berteduh/ tempat tinggal (Shelter)
- 4. Agama (Spiritual / religion)
- 5. Rekreasi (recreation/ leisure)
- 6. Kebolehan bergerak (Mobility)

ng (Sexuality/Love)

Keninteraksi/ berhubung (Communication)



ajah 2.1 : Model Harian Hidup Kementerian Kesihatan Malaysia (2009)

### Keperluan Keselamatan Kepada Warga Emas

menjadi lumrah setiap yang bernyawa, aspek keselamatan amat penting dalam kehidupan. Demikianlah tiap-tiap individu memerlukan keperluan ini tetapi dengan kekuatan yang berbeza-beza. Ada individu yang kurang mempunyai keperluan ini dan sebaliknya lebih gemar bersendirian, tetapi ada individu yang mempunyai keperluan ini dengan kuatnya sehingga menjadikannya bergantung di dalam banyak hal kepada orang lain. Keperluan ini boleh jadi timbul daripada warga emas yang tidak dapat berbuat dengan sendirinya dan memaksa ia bergantung kepada orang lain terutamanya pada anak-anak mereka untuk mendapatkan keperluan ini agar ia sentiasa dilindungi.

dan keprihatinan seorang ibu atau bapa yang bertanggungjawab  
 dan menjaga keselamatannya dan hasil penyelidikan yang dibuat oleh  
 Menon (1958) dalam Atan Long (1976) berdasarkan kajiannya turut  
 betapa pentingnya perdampingan dan sentuhan seorang anak kepada ibu  
 dan dikategori sebagai warga emas.

### Keperluan Kesihatan Kepada Warga Emas

Kesihatan adalah salah satu keperluan fisiologi asas pada peringkat teori  
 Maslow selain dari aspek makanan, minuman pakaian dan tempat tinggal.  
 Kehidupan ini boleh dipenuhi dalam kehidupan warga emas sekiranya pada  
 mereka mempunyai pendapatan yang mencukupi dalam memenuhi keperluan  
 mereka. Menurut John (2003) keperluan ini adalah sangat penting kerana keselamatan  
 menentukan sama ada individu tersebut dapat meneruskan kehidupan atau tidak.

Di Malaysia, bilangan klinik kesihatan yang menjalankan Perkhidmatan  
 Warga Emas, menurun semenjak tahun 2006, ini disebabkan oleh penyerahan  
 sebahagian besar jabatan pesakit luar kepada hospital. Perkhidmatan yang  
 dijalankan di klinik-klinik kesihatan adalah promosi dan pendidikan kesihatan, ujian  
 dan penilaian status kesihatan, pemeriksaan kesihatan dan pengubatan, khidmat  
 seling, senaman untuk warga emas serta aktiviti-aktiviti rekreasi, sosial dan  
 hiburan. (Mohamad Taha, 2007)

Perkhidmatan rehabilitasi, fisioterapi, terapi cara pulih kerja, lawatan dan  
 rawatan di rumah, dijalankan oleh beberapa buah klinik kesihatan. Usaha untuk  
 memperluaskan aktiviti ini adalah mengambil masa kerana ia melibatkan pembinaan  
 infrastruktur dan memerlukan kakitangan yang terlatih untuk melaksanakannya,  
 sehingga Disember 2007, terdapat 276 buah klinik kesihatan mempunyai ruang/bilik  
 khusus untuk aktiviti rehabilitasi berbanding dengan 269 buah klinik yang menjalankan  
 perkhidmatan rehabilitasi (49.6% daripada yang menjalankan program kesihatan warga  
 emas), yang selebihnya tidak mempunyai peralatan/ruang untuk aktiviti tersebut  
 (Mohamad Taha, 2007)

RM1,115,000 (sebagai belanja mengurus) telah diterima dan  
negeri-negeri, agensi dan institusi-institusi yang berkaitan untuk  
berkaitan dengan penjagaan kesihatan warga emas. Pada tahun  
banyak RM300,000 telah diterima sebagai perbelanjaan untuk aset  
warga emas dan ianya diagihkan ke negeri-negeri (Mohamad Taha,

### Perlindungan Makanan Seimbang Kepada Warga Emas

Peraturan khusus yang boleh mencegah penuaan, tetapi pakar pemakanan berkata  
makanan buah-buahan dan sayur-sayuran (lima hidangan sehari) mengandungi  
jumlah antioksidan mampu membantu badan seseorang awet muda. Lebih  
banyak sayur dan buah yang anda pilih lebih baik dan seelok-eloknya buah-  
makanan diambil sebelum makan makanan yang berat (contohnya nasi, mi), iaitu ketika  
makan kerana ketika ini penyerapan lebih baik. Bahkan kandungan serat yang  
membuat golongan ini cepat kenyang dan secara tidak langsung dapat  
mengurangkan memakan makanan lain. Kaedah ini secara perlahan-lahan boleh  
membantu warga emas mengurangkan berat badan. Bagaimanapun, antara masalah  
utama warga emas ialah kurang selera untuk makan. Oleh yang demikian golongan  
ini memilih makanan berkhasiat apabila makan. Bermula umur 40, jisim otot  
menurun satu peratus setahun dan ini memerlukan makan sumber protein seperti ikan,  
daging (tanpa kulit), telur dan daging tidak berlemak untuk dimakan.

Penurunan jisim otot ini juga memperlambatkan metabolisme yang membuatkan  
badan semakin bertambah dan akan menyebabkan masalah lain menyusul.  
Makanan dan senaman baik akan memperbaiki kualiti hidup warga emas. (Muhamad  
Taha, 2008). Ini diperjelaskan lagi dalam aspek perhatian kerana boleh  
memperlambatkan proses penuaan. Ketika ini pengambilan makanan tambahan dilihat  
sangat penting untuk menguatkan sistem pertahanan badan kerana orang tua, terutama  
umurnya 65 tahun ke atas, mudah mendapat jangkitan.

## Kasih Sayang Keluarga Kepada Warga Emas

Keperluan Hidup oleh Maslow (1970) keperluan ini merupakan mendapatkan hubungan yang mesra, kasih-sayang, kepada diri sendiri. Hal ini bagi memperkukuh unit kekeluargaan sebagai asas untuk masyarakat aman, makmur dan stabil. Penubuhan majlis pembangunan masyarakat di setiap negeri membolehkan program pembangunan dilaksanakan secara bersepadu di peringkat akar umbi. (RMK-9, 2006-2010). Sebagai program dan aktiviti pencegahan dan sokongan dilaksanakan oleh NGO, sektor swasta serta institusi pendidikan dan latihan. Aktiviti ini mewujudkan kesedaran terhadap kepentingan dan manfaat keluarga bagi semua serta membantu keluarga menghadapi perubahan persekitaran

Anggota dalam masyarakat desa dianggap sebagai satu keseluruhan. Mereka saling berkaitan, saling berinteraksi, dan saling memerlukan. Hal ini penting untuk memberikan sokongan secara fizikal kepada warga emas kepada warga emas untuk mendapatkan sokongan emosi. Aspek sokongan emosi, seperti kasih sayang, kemesraan, keakraban, percaya dan hormat-menghormati, dan perasaan sentimen di antara anggota masyarakatnya mudah diperolehi di kawasan desa yang masih tebal semangat (Wan Ahmad, 2003)

Wan Ahmad (2003) lagi pentingnya keluarga, khususnya anak ke atas warga emas dalam masyarakat negara membangun berkaitan dengan hal yang dapat mereka berikan kepada warga emas. Disebabkan taraf hidup penduduk negara membangun masih rendah, maka tahap pergantungan mereka adalah tinggi. Negara membangun juga sehingga sekarang masih belum melaksanakan program jaminan sosial untuk semua warga emasnya. Hanya golongan kecil sahaja daripada warga emas yang memperolehi pendapatan daripada kerajaan. Selaras dengan itu anaklah yang berfungsi sebagai jaminan keselamatan mereka.

## Penghargaan Kendiri Kepada Warga Emas

Salah satu keperluan yang kedua tertinggi dalam teori keperluan Maslow, iaitu keperluan untuk merealisasikan kehebatan dan kebolehan diri individu. Salah satu peminatan pembinaan konsep kendiri adalah penerimaan. Penerimaan oleh masyarakat setempat amatlah penting. Penerimaan bermaksud memberi status istimewa individu sebagai manusia unik yang bebezanya dengan orang lain. Sikap, pengetahuan dan kemahiran. Penerimaan bererti memberi peluang kepada individu belajar menerima diri mereka sendiri. Penerimaan masyarakat yang penting agar golongan warga emas tidak merasa tersingkir. Penerimaan oleh masyarakat membolehkan golongan ini dapat berinteraksi secara positif dengan orang lain dalam kumpulan. Bagi memenuhi kehendak atau membolehkan golongan ini berinteraksi, terlebih dahulu seseorang itu perlu menghormati dirinya sendiri dan menjadikan dirinya dihargai oleh orang lain. Faktor yang penting ialah penerimaan dapat dipenuhi apabila seseorang itu mempunyai keyakinan diri dan harga diri yang tinggi, pengiktirafan, perhatian, dan penilaian diri orang lain. Konsep ego yang berkaitan rapat dengan perasaan penghargaan diri. Berdasarkan Saedah, dan Mohani (1996 : 13) mengungkapkan kata-kata Kubinieć, 1970, 'Orang yang mempunyai konsep diri yang kuat lebih berkemungkinan mencapai kejayaan. Warga emas berhak mendapat hidup dengan penuh kehormatan dan martabat yang tinggi serta selamat dan bebas daripada sebarang penindasan dan penganiayaan oleh orang lain. Bagi memenuhi keperluan ini warga emas ini berhak mendapat perlakuan yang adil dan saksama dari semua pihak tanpa mengira umur, jantina, keturunan, agama, kecacatan atau lain-lain keadaan dengan tidak mengambilkira keupayaan mereka. Selain itu, warga emas juga berpeluang menikmati dalam kehidupan potensi optimum mereka dengan mendapatkan akses kepada sumber-sumber sepanjang hayat, kebudayaan, rohaniah dan reaksi yang ada dalam masyarakat. (Habidan, 2001)

Dasar Sosial Negara yang telah diluluskan oleh kabinet pada 19 Februari 2003 menetapkan satu objektif dalam mencapai matlamat dasar iaitu menyalurkan dan memberikan peluang kepada warga emas (60 tahun ke atas) yang merupakan insan di



hidup mereka dengan kematangan, pengalaman hidup dan berbagai-bagai sumber-sumber yang dimiliki untuk terus membuat sumbangan kepada masyarakat. Tahap tenaga, minat, kemampuan dan motivasi yang mereka miliki (Bahagian Pengembangan dan Pembangunan PINTAS, 2010) Dasar ini memerlukan pengiktirafan, sokongan dan bantuan kepada setiap warga emas khususnya dengan menyediakan berbagai-bagai kemudahan dan bantuan yang diperlukan untuk membolehkan mereka dalam mencapai kedamaian hidup.

### **3.1.1 Konsep Penyempurnaan Kendiri Kepada Warga Emas**

Penyempurnaan kendiri adalah pengertian atau kefahaman seseorang terhadap dirinya sebagai individu yang unik yang memiliki satu ciri-ciri yang unik atau istimewa (Shaffer, 1985). Penyempurnaan kendiri bermaksud bagaimana seseorang individu itu berpendapat dan menganggap dirinya sendiri. Penyempurnaan kendiri pula bermaksud apa yang seseorang individu itu boleh jadi; ia mesti jadi, iaitu potensinya dilahirkan. Anggapan dan penyempurnaan kendiri adalah berasaskan kepekaan dan kesedaran tentang kekuatan dan kelemahan diri. Kesedaran itu pula lahir daripada maklum balas, gerak balas atau reaksi diri terhadap pengalaman pergaulan, sosialisasi atau interaksi dengan individu lain. Penyempurnaan kendiri menjelaskan bahawa orang yang mempunyai konsep kendiri yang tinggi akan cenderung untuk menilai orang yang menyukai atau menghargai dirinya dengan melihat dirinya sebagai orang yang berharga dalam hubungan dengan dunia luar. Manakala mereka yang mempunyai konsep kendiri yang rendah pula melihat dirinya sebagai orang yang membenci dan mengabaikan dirinya. Iaitu seseorang yang tidak berkebolehan untuk berhubung dengan persekitarannya. Peringkat penyempurnaan kendiri ini adalah peringkat yang paling tinggi dan dicapai apabila semua keperluan peringkat bawah itu telah dipenuhi. Menurut Atan Long (1976 : 148) daripada Maslow (1970), keperluan penyempurnaan kendiri itu adalah keperluan yang menjadi kemuncak atau yang tertinggi dalam peringkat sistem keperluan manusia. Keperluan ini hanya dapat dipenuhi apabila seseorang itu memenuhkan keperluan lain yang terdapat pada peringkat

## Rujukan

- Belanger., C, Chen.,,S Singh, & F. Labrie. (1993 a). Additive in Vivo Growth – Inhibitory Effects of Fluramide and Finasteride on Androgen Sensitive Shianogi 115 Carcinoma. Canada : Medical Research Council Group
- Razak, R., (2006) . Fourth Malaysia Population And Family Survey (MPFS 4 ) At A Glance. Dalam *National Population Conference Building The Next Generation*. Kuala Lumpur
- Abdul Aziz, R.,(2001). Pengantar sosiologi pembangunan. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Abu Hassan,R., (2004). Memperkukuhkan Modal Insan Melalui Revolusi Aksi. Bab 11 RMK-9 pg 249. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri
- Abu Samah, A., (2006). Pembangunan Komuniti: Strategi, peranan dan cabaran ke arah Pembentukan masyarakat sejahtera dan saksama. *Kertas kerja yang dibentangkan di Konvenyen Kebangsaan, Agenda Pembangunan Sosial Ke arah Pembentukan Masyarakat Sejahtera dan Saksama. 1-2 Jun 2006* : Kuala Lumpur.
- Ahmad, H., (2010). Program Sambutan Warga Emas. Pusat Internet Desa Bukit Kayu Hitam. Kuala Lumpur : Kementerian Penerangan Komunikasi & Kebudayaan.
- Alavi,K., (2007) . Pengalaman Anak Dewasa Berpendapatan Rendah Yang Menjaga Ibu Bapa Tua: Satu Pendekatan Berteraskan Pendidikan Komuniti. *Jurnal Kajian Malaysia Jilid XXV Vol 2*
- Ali, A., (2008). Masyarakat Perlu Hargai Pendapat Warga Emas. Kuala Terengganu: rujukan Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu
- Allen,R., (1998). Life Stages, Living Arrangements and Life Styles: A Century of Changes. Annual Meeting of the Cannadian Association of Geograhpers. London
- Anderseran Berg., (2001). Pharmacokinestics of Chemotherapy in the Older Patient: Relationship Between Age and Pharmacokinetics of Drugs : Phase 1 Clinical Trials. Cancer Control . Web MD Professional
- Anstey, K.J., & S,G.A., (1999) In Santrock, J.W., (2004). Life Span Development. 9<sup>th</sup> Edition. U.S: McGraw Hill

- Yb, L., & Giles., & Andrews. (2001). In Madelon, R. C., (2008). Development, Validation and Application of a Multidimensional Definition of Healthy Aging. University of Waterloo. Canada
- 3, G., (2006). The Howarth Information Press, An Imprint of The Howarth Press Inc. Vol 42. No ¾ pg 117. Co Published Simultaneously in Cataloging & Classification Quarterly.
- Long (1976). Psikologi Pendidikan. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- ul Hisham. (2010). Warga Emas sihat Aktif Produktif. Terengganu: Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu.
- ulzaman, N., (2004). Kajian Tahap Tekanan di Kalangan Warga Tua : Satu kajian di Rumah Seri Kenangan Bedong. UPM
- arom, M., Ahmad, E., & Huson, J., (2008). Perkembangan Sosial dan Emosi : Psikologi Pendidikan dalam PTV. Johor : Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
- ies (1997) , Neugarten., (1974). Successful Aging: Perspectives From behavioral Sciences. (pp, 1-34). Cambridge: Cambridge University Press.
- aint, K., P.J., & Carson., M.L., (2006). Analysis of Qualitative Trait Loci For Resistance to Southern Leaf Blight In Juvenile-Maize. Australia : Society of Australia.
- onham. (1991). dalam Dhurasingham, T., (2003). Pembelajaran di Kalangan warga emas India : Dibrat Laut Rawang. Kuala Lumpur. Tesis Sarjana
- he Kasim, A.S., (2001). *Tanggungjawab anak terhadap warga tua menurut perspektif Islam* dalam Abdul Aziz, Lukman Z. Mohammad dan Wan Norsiah Mohamed *Jaminan Sosial Warga Tua*. Petaling Jaya: Prentice Hall
- Chew, M.F., (2007). Skim Pencen Sosial. Seminar Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Kuala Lumpur.
- Chua, Y. P., (2006). *Asas Statistik Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Chua, Y. P., (2006). *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill. 107
- Cohen ., & Manion. (1985), in Cohen, J (1977). Statistical power analysis for the behavioral sciences. Hillsdale, NJ : Erlbaum.